

SOALAN NO. : 22

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]

TARIKH : 1 NOVEMBER 2016 (SELASA)

NO RUJUKAN : DR 12

SOALAN:

TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan:

- (a) sudahkah Kerajaan menjalankan kajian untuk mengenal pasti bagaimana syarat-syarat Perjanjian Paris dapat dipenuhi; dan
- (b) sudahkah Kerajaan berunding dengan semua pihak yang terlibat dalam usaha memenuhi syarat-syarat Perjanjian Paris tersebut, terutamanya industri-industri berkaitan, sebelum meratifikasikan perjanjian ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Syarat-syarat Paris Agreement pelaksanaan perjanjian tersebut seperti *modalities, procedures, dan guidelines* masih belum dimuktamadkan.

Malaysia mempunyai obligasi untuk menyediakan pelan tindakan perubahan iklim jangka masa panjang yang dinamakan Nationally Determined Contributions (NDC) setiap 5 tahun sekali. NDC merupakan sumbangan negara kepada usaha global untuk menangani impak perubahan iklim bagi tempoh pasca-2020 di bawah Paris Agreement. Malaysia telah mengemukakan NDC pertamanya kepada UNFCCC pada 27 November 2015.

Negara perlu melaporkan pelan tindakan adaptasi perubahan iklim termasuk mengenal pasti keperluan jumlah dana bagi melaksanakan tindakan adaptasi. Jumlah sumbangan dana yang diterima dari negara maju juga perlu dinyatakan sebagai sebahagian daripada proses pelaporan dan penilaian.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengadakan beberapa siri bengkel dan mesyuarat bersama Kementerian dan Agensi Kerajaan Pusat, Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri, dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk membincangkan mengenai implikasi dan proses ratifikasi Paris Agreement serta pelaksanaan NDC Negara.

Sekian, terima kasih.